



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 18/2022

**PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN SISTEM PEREKODAN KEHADIRAN KE PEJABAT
SECARA APLIKASI MOBILE BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai penguatkuasaan pemakaian sistem perekodan kehadiran ke pejabat secara **Mobile Apps Sinimo**.
2. Perekodan kehadiran melalui *Mobile Apps Sinimo* masih berdasarkan kepada Waktu Bekerja Fleksi (WBF) yang sedang berkuatkuasa (Pekeliling Pentadbiran Bil. 05/2020 bertarikh 21 Januari 2020).
3. Staf perlu membuat instalasi aplikasi Sinimo pada telefon bimbit masing-masing melalui *Google Play* atau *App Store* mengikut tatacara di **Lampiran 1**. Soalan lazim (FAQ) juga disediakan sebagai rujukan dan panduan seperti di **Lampiran 2**.
4. Dengan penguatkuasaan pemakaian sistem kehadiran secara *Mobile Apps Sinimo*, rekod kehadiran staf melalui sistem *Staf Attendance* dalam E-Community adalah ditutup sepenuhnya.
5. Mana-mana staf yang gagal mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan tatatertib atau ditamatkan perkhidmatan selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan surcaj) 2000 [Akta 605] dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.
6. Kerjasama daripada semua pihak berhubung perkara ini amatlah diharapkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan di UMK dapat disampaikan dengan lancar dan berkesan kepada semua pihak berkepentingan.
7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2022**.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
Pendaftar

26 September 2022

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



SISTEM PEREKODAN KEHADIRAN KE PEJABAT SECARA APLIKASI MOBILE



CHECK IN AND OUT
01 OKT. 2022

- 1 Staf perlu membuat instalasi Mobile Apps **Sinimo** pada telefon bimbit yang boleh dimuat turun daripada

GET IT ON  Google Play
Download on  App Store
- 2 Perekodan kehadiran hanya boleh dilakukan menerusi akaun mobile apps **pada satu (1) telefon bimbit sahaja.**
- 3 Staf perlu **memastikan tetapan lokasi di telefon bimbit diaktifkan (allow permission) semasa check in/out sahaja**
- 4 Staf perlu **merekod kehadiran di lokasi bangunan pejabat masing-masing.**



Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputeran dan Informatik (CCI)



SISTEM KEHADIRAN DALAM E-COMMUNITY

April 2022

M	T	W	T	F	S
4	5	6	7	8	9
11	12	13	14	15	16
18	19	20	21	22	23
25	26	27	28	29	30

Apr 2022

Payment Control Order

Human Resource

Admin

Google

CHECK IN
CHECK OUT

Staff Attendance

WAM ADZEE BIN HA. W

Today's Events

No Events Found

General Menu

- Latest News
- Files Library
- Bookmarks
- Resource Booking
- Form Wizard
- Task Manager
- Statistics - e-Community usage
- User & Group Directory

Nokpad

Checkin CheckOut Add Reason Apply Time Off View Attendance Report Query Staff

Approve Time Off Reject Time Off Approve Reason Query Subordinates

Current Date	14/04/2022
Current Day	THURSDAY
Current Time	01:43 PM
IP Address	192.168.1.222
Attendance Date	14/04/2022
Attendance Day	THURSDAY

Type	Status	Check In		Check Out	
		Time	Remark	Time	Remark
ATTENDANCE	APPROVE	07:36:37 AM		02:36:37 PM In	0h 52m 49s

WAM ADZEE BIN HA. W

Today's Events

No Events Found

General Menu

- Latest News
- Files Library
- Bookmarks
- Resource Booking
- Form Wizard
- Task Manager
- Statistics - e-Community usage
- User & Group Directory

Nokpad

DITUTUP

3



**SOALAN LAZIM BERKAITAN PELAKSANAAN SISTEM KEHADIRAN MELALUI
APLIKASI TELEFON BIMBIT (MOBILE APPS) SINIMO**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan sistem kehadiran secara aplikasi mobile (Sinimo)?	Bahagian Pembangunan Organisasi, Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) telah membangunkan sistem kehadiran secara <i>Mobile Apps</i> (Sinimo) yang lebih efisien, mudah dan telus.
2.	Bilakah pelaksanaan sistem kehadiran secara Mobile Apps (Sinimo) mula dilaksanakan?	<p>Pelaksanaan sistem kehadiran secara Mobile Apps (Sinimo) telah dilaksanakan secara uji cuba (<i>pilot test</i>) bermula pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • UMK Bachok 18 April 2022 • Kampus Kota 12 Jun 2022 • Kampus Jeli 12 Jun 2022 • UMK-TRaCe 26 Jun 2022 <p>Pelaksanaan sistem kehadiran melalui <i>Mobile Apps</i> Sinimo secara rasmi di Universiti Malaysia Kelantan akan bermula pada 1 Oktober 2022.</p> <p>Dengan berkuatkuasa penggunaan <i>Mobile Apps</i> Sinimo, perekodan kehadiran melalui web <i>check in/out</i> di <i>E-Community</i>, https://attendance.umk.edu.my dan terminal <i>thumb print</i> akan ditutup sepenuhnya.</p>
3.	Apakah yang perlu dilaksanakan oleh staf untuk merekod kehadiran melalui Mobile Apps Sinimo?	<p>Staf perlu untuk muat turun (<i>download</i>) perisian <i>Mobile Apps</i> Sinimo dalam telefon bimbit masing-masing melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Google Play (Android 6.0); atau • App Store (iPhone – iOS 12) <p>Manakala bagi staf yang menggunakan telefon bimbit jenis Huawei (yang tidak menggunakan android) perlu muat turun (<i>download</i>) aplikasi G-Space sebelum muat turun (<i>download</i>) perisian <i>Mobile Apps</i> Sinimo.</p> <p>Nota: Instalasi perisian versi APK bagi Sinimo semasa sesi uji cuba ke dalam telefon bimbit masing-masing sebelum ini perlu dikeluarkan (<i>uninstall</i>) dan dimuat turun (<i>download</i>) / kemaskini semula secara langsung menggunakan versi <i>Google Play</i> dan <i>App Store</i>.</p>

4.	Sekiranya staf berada di lokasi selain daripada pejabat, adakah staf boleh merekod kehadiran melalui Mobile Apps Sinimo?	<p>la masih tertakluk kepada tatacara amalan tadbir urus semasa iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Staf hanya boleh merekod kehadiran di lokasi pejabat sahaja berdasarkan tetapan yang telah dikelaskan. Contoh: Staf Pejabat Pendaftar hanya boleh merekod kehadiran di lokasi Bangunan Canselori, UMK Bachok sahaja. • Bagi staf yang mempunyai tugas rasmi di luar kampus perlu untuk <i>add reason</i> dalam Sistem E-Community sebagaimana amalan pelaksanaan sedia ada.
5.	Adakah staf boleh menggunakan telefon bimbit berbeza untuk merekod kehadiran?	Rekod kehadiran (<i>check in/check out</i>) hanya boleh dilakukan menerusi akaun <i>mobile apps</i> pada SATU (1) telefon bimbit sahaja.
6.	Adakah staf perlu mendapatkan signal rangkaian WiFi UMK terlebih dahulu sebelum membuat <i>check in/check out</i> ?	<p>Tidak. Dalam penambahbaikan baharu versi aplikasi mobile, staf boleh <i>check in/check out</i> dalam mana-mana signal rangkaian yang ada sama ada WiFi UMK atau data rangkaian peribadi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Staf perlu memastikan tetapan lokasi di telefon bimbit diaktifkan (allow permission) semasa proses <i>check in/check out</i> sahaja. • Pastikan paparan pada aplikasi mobile Sinimo memaparkan dalam tetapan (<i>within range</i>).
7.	Bagaimana untuk pengguna memberikan maklum balas/ mendapatkan khidmat sokongan sekiranya terdapat sebarang masalah.	<p>Staf boleh berhubung dengan pegawai di PTJ masing-masing untuk kemukakan isu/masalah yang dihadapi dalam tempoh 20 - 29 September 2022 sebelum sistem perekodan kehadiran di E-Community ditutup sepenuhnya.</p> <p><i>Group Whatsapp</i> telah diwujudkan untuk membolehkan penyelaras PTJ mengemukakan sebarang isu/masalah.</p>

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) Pejabat Pendaftar
 Dengan Kerjasama Pusat Komputeran dan Informatik (CCI)
 18 September 2022